

Kenyataan Bersama

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein
Pemangku Menteri Pengangkutan
Dan
YB.Dato' Fadilah Yusof
Menteri Kerja Raya

Sempena Lawatan dan Tinjauan Lorong Motosikal di Lebuhraya Persekutuan

18 Jun 2013

Pada hari ini Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kerja Raya serta agensi-agensi berkaitan termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Lembaga Lebuhraya Malaysia, Pasukan Trafik Bukit Aman dan Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) telah mengadakan lawatan turun padang dan pemantauan di laluan motosikal sekitar Lebuhraya Persekutuan.

Lawatan turun pandang dan pemantauan ini dilakukan susulan laporan kedaifan dan kurangnya penyelenggaraan di laluan motosikal ini seperti mana disiarkan di media baru-baru ini. Dilaporkan juga bahawa akibat kedaifan dan kurangnya penyelenggaraan lorong motosikal ini, maka ramai pengguna motosikal telah beralih menggunakan jalan utama yang mempunyai kadar trafik dan risiko kemalangan yang tinggi.

Pihak kerajaan sememangnya memandang serius berkenaan isu laluan motosikal di Lebuhraya Persekutuan ini kerana ia melibatkan keselamatan pengguna motosikal. Dalam hal ini, Kementerian Kerja Raya telah mengambil tindakan dengan menyalurkan peruntukan sebanyak RM0.9 juta pada awal tahun lalu di mana RM0.6 juta dibelanjakan untuk membaik pulih tebing cerun yang runtuh dan RM0.3 juta untuk menyenggara rumah pam di terowong di kedua-dua arah berhampiran kilang Motorola di Sungei Way.

Baru-baru ini juga, Kementerian Kerja Raya telah menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM1.1 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan di lorong motosikal. Pembaikan ini sedang ditender dan dijangka dapat dilaksanakan pada hujung bulan Julai 2013 seterusnya dijangka siap pada penghujung tahun ini.

Selain itu, bagi kawasan di bawah kawalan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), pihak PLUS dan Sprint telah mengambil tindakan menurap semula di beberapa lokasi lorong motosikal yang rosak dan dijangka siap sepenuhnya pada hujung tahun ini.

Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kerja Raya akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan dari masa ke semasa bagi memastikan keselamatan penunggang motosikal sentiasa terpelihara. Dalam hal ini, MIROS, sebuah agensi di bawah Kementerian Pengangkutan akan bekerjasama dengan pihak berkuasa lain untuk menjalankan audit ke atas lorong-lorong motosikal dan memajukan syor-syor penambahbaikan untuk pertimbangan Kerajaan.

Meskipun lorong motosikal adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya, namun Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab dari segi aspek keselamatan penunggang motosikal serta mengambil inisiatif merentasi kementerian demi menyelesaikan masalah rakyat.

Untuk makluman, keseluruhan panjang lorong motosikal di Lebuhraya Persekutuan FT02 (KL-Bandar Klang-KL) adalah 56.8km yang melibatkan penyenggaraan di bawah selian 4 pihak iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sepanjang 4.8km, Jabatan Kerja Raya (JKR) sepanjang 16km, Lebuhraya Sprint sepanjang 4km dan Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) sepanjang 32km.

=tamat=